

### MAJLIS PENYERAHAN SKUTER ELEKTRIK KEPADA SMK MAHSURI DI BAWAH PROGRAM ECO-SCHOOLS MALAYSIA

- *Legatus Sdn Bhd syarikat hijau pertama menyumbang skuter elektrik bagi program Eco-Schools Malaysia*

**Langkawi, 28 Julai** – Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation dengan kerjasama Green Growth Asia Foundation (GGAF) telah menyerahkan skuter elektrik sumbangan Legatus Sdn Bhd kepada Pengetua SMK Mahsuri, Puan Hajah Sa'diah Binti Abdul Samad pada majlis ringkas yang turut disertai wakil daripada Jabatan Pendidikan Negeri Kedah.

Penyerahan skuter elektrik ini merupakan kesinambungan daripada Pelancaran *The Race Towards 1000 Eco-Schools 2025* yang telah dilancarkan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, Menteri Jabatan Perdana Menteri ketika berlangsungnya Mesyuarat Pelan Tindakan Bandar Hijau IMT-GT & BIMP-EAGA pada 8 Julai 2022 lalu. Semasa pelancaran itu juga, Legatus Sdn Bhd menjadi syarikat hijau pertama yang menyumbang skuter elektrik bagi program Eco-Schools Malaysia melalui penyerahan *mock-up* skuter elektrik sebagai simbolik sumbangan kepada Pengetua SMK Mahsuri

Ketua Pegawai Eksekutif MGTC, Ts. Shamsul Bahar bin Mohd Nor, berkata, "Kita mesti menyedari bahawa kerjasama padu daripada semua agensi sektor awam dan swasta adalah penting untuk mendepani kesan perubahan iklim terhadap alam sekitar, dari aspek ekonomi dan sosial. Kami mengalu-alukan penyertaan sektor swasta yang secara tidak langsung menampilkan komitmen yang jitu bagi mencapai objektif Menuju Ke arah 1000 Eco-Schools 2025.

Eco-Schools Malaysia adalah sebahagian daripada Eco-Schools Global di bawah Yayasan Pendidikan Alam Sekitar, yang berpangkalan di Copenhagen, Denmark. GGAF adalah merupakan pengendali program kebangsaan di Malaysia yang diperakui oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melaksanakan program di peringkat sekolah rendah dan menengah. Sejumlah 250 sekolah yang meliputi Melaka, Perak dan Kedah telah berjaya menjalani program ini sejak ia diperkenalkan pada tahun 2016.

Program Eco-Schools Malaysia ini menasaskan sekolah-sekolah di semenanjung negara yang menasaskan penglibatan para pelajar dengan menjadikan para guru sebagai mentor dalam mengaplikasikan pembangunan projek yang memberi tumpuan kepada mitigasi perubahan iklim dan cabaran melestarikan alam sekitar.

Tujuan utama program Eco-Schools Malaysia adalah untuk mendidik generasi muda yang masih bersekolah sebagai pemimpin masa depan Malaysia dan sebagai Duta Hijau yang secara aktif memperjuangkan gaya hidup lestari dan mampan. Sesi taklimat pengendalian dan penjagaan skuter elektrik kepada pihak sekolah telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Legatus Sdn Bhd, Dato' Will Lim Meng Seng.

**-Tamat-**

## **Mengenai kami**

Malaysian Green Technology and Climate Change Centre (MGTC) adalah agensi Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) yang diberi mandat bagi memacu negara di dalam skop Mempercepatkan Pertumbuhan Hijau, Memajukan Mitigasi Perubahan Iklim dan Menyokong Budaya Gaya Hidup Hijau. Peranan utama MGTC sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi hijau adalah berpandukan Dasar Teknologi Hijau Negara (NGTP), Dasar Perubahan Iklim Negara (NCCP) dan Pelan Induk Teknologi Hijau (GTMP). MGTC melaksanakan inisiatif dan program yang memberikan perincian khusus dalam mencapai impak jangka panjang kepada Nationally Determined Contribution (NDC) Mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah hijau (GHG) KDNK sebanyak 45% (tanpa syarat) menjelang 2030 berbanding intensiti pelepasan KDNK pada tahun 2005, meningkatkan kadar KDNK daripada teknologi hijau sebanyak RM100 Billion dan penjanaaan sebanyak 230,000 peluang pekerjaan hijau.

## **Perhubungan Media**

Corporate Communications

MGTC

[comms@mgtc.gov.my](mailto:comms@mgtc.gov.my)